



Headline: Pesara rugi RM300,000 diperdaya sindiket
Publication/Portal: Berita Harian Online
Date: 8 September 2021

Language: Malay
Section: -
Page: -

Pesara rugi RM300,000 diperdaya sindiket

KUALA TERENGGANU: Seorang pesara menanggung kerugian hampir RM300,000 selepas menjadi mangsa sindiket penipuan dalam talian.

Kejadian bermula pada awal Mei lalu apabila lelaki berusia 60 tahun itu menerima panggilan daripada individu tidak dikenali yang mengatakan namanya digunakan untuk mendaftar di sebuah syarikat telekomunikasi selain kad pengenalannya turut disalah guna pihak tidak bertanggungjawab.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Terengganu, Superintendan M Zambri Mahmud, berkata mangsa menafikan tuduhan itu sebelum diminta menghubungi satu nombor yang dikatakan Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Pahang.

Suspek yang kononnya bertugas di IPK Pahang mendakwa mangsa terbabit dalam kes pengubahan wang haram sebelum dia diminta memberikan maklumat akaun bank.

"Mangsa diarah membuat transaksi pindahan wang ke beberapa akaun berbeza dan dia yang tidak mengesyaki apa-apa akur dengan arahan suspek dan membuat beberapa transaksi membabitkan kerugian hampir RM300,000.

"Suspek memaklumkan wangnya akan dikembalikan semula sebaik siasatan selesai namun hingga semalam, dia tidak menerima apa yang dijanjikan suspek.

"Mangsa yang yakin dirinya menjadi mangsa penipuan membuat laporan di Balai Polis Kuala Terengganu semalam dan siasatan dibuat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," katanya ketika dihubungi hari ini.

M Zambri turut mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati sekiranya menerima panggilan telefon sama ada melalui talian mudah alih atau talian tetap yang mengaku daripada pihak penguat kuasa atau mana-mana agensi kerajaan.

Katanya, orang ramai dinasihatkan membuat semakan terlebih dahulu sekiranya menerima panggilan seumpama ini dan tidak sewenang-wenangnya memberikan maklumat perbankan internet kepada mana-mana pihak yang tidak dikenali.

"Peringatan seperti ini sudah kerap kali diwar-warkan sebelum ini tetapi masih ramai lagi yang menjadi mangsa sindiket penipuan membabitkan jumlah kerugian yang agak besar," katanya.